

QAZAF DALAM UNDANG-UNDANG JENAYAH SYARIAH DI MALAYSIA: SUATU ANALISIS SEMASA

*(Qazaf (False Accusation) in Malaysian Syariah Criminal
Law: A Current Analysis)*

Mohamed Hadi Abd. Hamid
mohamedhadi1985@gmail.com

Ibrahim Ismail
iibrahim@iium.edu.my

Kulliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Abstrak

Perlembagaan Persekutuan meletakkan kesalahan jenayah qazaf di bawah bidang kuasa undang-undang jenayah syariah yang dikuatkuasakan oleh negeri-negeri. Walau bagaimanapun, berdasarkan penyelidikan kepustakaan terhadap undang-undang jenayah syariah di setiap negeri, didapati wujudnya ketidakseragaman yang ketara tentang definisi dan pelaksanaan undang-undang tersebut yang dibuktikan menerusi beberapa kes yang diputuskan oleh mahkamah syariah. Ekoran itu, dikhuatiri wujud unsur ketidakadilan yang menyebabkan syariat Islam dipandang serong. Artikel ini mencadangkan beberapa langkah untuk memperkasakan pelaksanaan undang-undang jenayah qazaf supaya peruntukan jenayah qazaf benar-benar bermakna, difahami oleh masyarakat dan bukan hanya sekadar mengisi kekosongan peruntukan undang-undang sedia ada.

Kata kunci: qazaf, zina, liwat, Perlembagaan Persekutuan, undang-undang jenayah syariah, enakmen jenayah syariah

Abstract

Qazaf (or false accusation) is one of the crime under the hudud category, which the punishments are fixed in Islamic law, either through *al-Quran* or *as-sunnah*. In the context of its implementation in Malaysia, generally the Federal Constitution places qazaf offence under the criminal jurisdiction of syariah law enforced by the states. Nevertheless, based on the library research on the syariah criminal law in every states, it has been discovered that there is an apparent inconsistency in terms of the implementation surrounding qazaf offences. In fact, the states have different interpretation on the very definition of qazaf. Pursuant to this inconsistency, there is an alarming concern that the syariah law may be placed in a bad light. This finding is further supported by decided cases from the syariah court. This article further proposes several recommendations to strengthen the implementation in relation to the enforcement against qazaf offence. This is to ensure the legal provisions provided are meaningful, appreciable by the society and do not merely serve as a tool to fill in the imminent lacuna.

Keywords: qazaf (false accusation), adultery, sodomy, Federal Constitution, syariah criminal law, syariah criminal law enactment

PENDAHULUAN

Dari sudut bahasa, perkataan qazaf berasal daripada bahasa Arab, *rama* yang bermaksud lempar seperti melempar sesuatu,¹ manakala dari sudut syarak, qazaf didefinisikan sebagai perbuatan melemparkan tuduhan berzina yang bertujuan mencaci dan memalukan.² Qazaf merupakan salah satu kesalahan jenayah yang dikategorikan di bawah jenayah hudud yang kadar hukumannya

- 1 Jamaluddin ibn Manzur al-Ansari al-Ifriqi. (1994). *Lisan al-Arab* (Jilid 9) (p. 277). Beirut: Dar Sadir.
- 2 Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha, & Ali asy-Syarbaji. (1992). *Al-Fiqh al-Manhaji 'ala Madhhab al-Imam as-Syafie* (Jilid 8) (p. 65). Damsyik: Dar al-Qalam.



sudah ditetapkan oleh syarak³ kerana jenayah ini melibatkan maruah seseorang Muslim yang ‘*iffah* (suci) dan perbuatan ini diharamkan dalam al-Quran dan sunah. Allah SWT berfirman dalam *Surah an-Nur*, ayat 4:

أُولَئِكَ هُمُ الَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوا بِأَرْبَعَةِ شُهَدَاءَ فَاجْلِدُوهُمْ ثَمَانِينَ جَلْدَةً وَلَا تَقْبَلُوا لَهُمْ شَهَادَةً أَبَدًا وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ

Maksud: *Dan orang-orang yang melemparkan tuduhan (zina) kepada perempuan yang terpelihara kehormatannya, kemudian mereka tidak membawakan empat orang saksi, maka sebatlah mereka 80 kali sebat; dan janganlah kamu menerima persaksian mereka itu selama-lamanya; kerana mereka adalah orang-orang yang fasik.*

Dalam hadis Rasulullah SAW daripada Abu Hurairah, Baginda SAW bersabda:

اجْتَنِبُوا السَّبْعَ الْمُؤَيَّقَاتِ . قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا هُنَّ قَالَ الشَّرْكَ بِاللَّهِ، وَالسَّحْرُ، وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ، وَأَكْلُ الرِّبَا، وَأَكْلُ مَالِ الْيَتِيمِ، وَالتَّوَلَّى يَوْمَ الرَّحْفِ، وَقَذْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ الْعَافِيَاتِ⁴

تخريج: البخاري، الحدود، رمي المحصنات، حديث 6857، عن أبي هريرة رضي الله عنه

- 3 Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha, & Ali asy-Syarbaji. (1992). *Al-Fiqh al-Manhaji 'ala Madhhab al-Imam as-Syafie* (Jilid 8) (p. 66). Damsyik: Dar al-Qalam.
- 4 Muhammad bin Ismail al-Bukhari. (2002). *Sahih al-Bukhari*. (p. 1696). Dimashq: Dar Ibn Kathir.





Maksud: *Jauhilah kamu daripada tujuh perkara yang membinasakan. Para sahabat bertanya, "Apakah dia?", jawab Baginda SAW: Syirik kepada Allah, sihir, membunuh manusia tanpa sebab yang dibenarkan, memakan riba, memakan harta anak yatim, lari dari medan perang dan membuat qazaf (tuduhan zina) ke atas perempuan yang baik-baik.*

Berdasarkan dalil tersebut jelas bahawa Islam mengharamkan tuduhan keji terhadap orang yang baik kerana perbuatan fitnah merupakan perbuatan yang dicela dan tergolong dalam kategori dosa besar. Secara umumnya, terdapat tiga elemen utama dalam jenayah qazaf, iaitu⁵:

- i. Tuduhan zina oleh penuduh atau penafian nasab terhadap orang yang dituduh.
- ii. Orang yang dituduh ialah seorang yang muhsan atau baik-baik; dan
- iii. Tuduhan melakukan zina dibuat dengan niat jahat, yakni tanpa mengemukakan empat orang saksi lelaki yang adil.

Jenayah qazaf tidak merangkumi tuduhan *li'an*, iaitu keadaan apabila seorang suami menuduh isterinya berzina kerana suami yang terlibat dalam kes *li'an* tidak perlu mengemukakan empat orang saksi lelaki yang adil untuk mendakwa isterinya berzina, sebaliknya si suami perlu bersumpah laknat sebanyak empat kali sebagai ganti empat orang saksi lelaki dan sumpah kelima ialah sumpah laknat, iaitu Allah SWT akan melaknat suami itu jika dia berdusta dalam dakwaannya.⁶

5 Paizah Haji Ismail. (1991). *Undang-undang Jenayah Islam* (pp. 194 – 197). Petaling Jaya: Tradisi Ilmu Sdn. Bhd.

6 Prosedur *li'an* terkandung dalam al-Quran, secara khususnya ayat 6 dan 7, *Surah an-Nur*. Pasangan yang mengangkat sumpah dengan cara *li'an* mengikut hukum syarak di hadapan hakim syarii boleh diperintahkan oleh hakim syarii supaya difarakkan, dipisahkan dan hidup berasingan selama-lamanya. Sebagai contoh, rujuk seksyen 50A Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984.



BIDANG KUASA JENAYAH QAZAF MENURUT SKEMA PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Sebelum menyentuh jenayah qazaf secara terperinci, pembahagian bidang kuasa antara kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri menurut skema Perlembagaan Persekutuan perlulah difahami terlebih dahulu. Secara umumnya, penggubalan undang-undang jenayah termasuk di bawah bidang kuasa kerajaan persekutuan (melalui parlimen), manakala kerajaan negeri sebanyak 14 buah (termasuk wilayah persekutuan) diberikan bidang kuasa terhadap berkenaan undang-undang jenayah syariah yang melibatkan individu Muslim (melalui dewan undangan negeri dan jika wilayah persekutuan, melalui parlimen).

Secara khususnya, Item 1, Senarai II – Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bidang kuasa negeri untuk “pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan”. Frasa “kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan” merujuk bidang kuasa kerajaan persekutuan yang terkandung dalam Item 4,⁷ Senarai

- 7 Undang-undang dan tatacara sivil dan jenayah dan pentadbiran keadilan, termasuk –
- (a) Keanggotaan dan susunan semua mahkamah, selain mahkamah syariah;
 - (b) Bidang kuasa dan kuasa semua mahkamah itu;
 - (c) Saraan dan keistimewaan lain hakim dan pegawai yang mengetuai mahkamah itu;
 - (d) Orang yang berhak menjalankan amalan di hadapan mahkamah itu;
 - (e) Tertakluk pada perenggan (ii), perkara yang berikut:
 - (i) Kontrak; perkongsian, agensi dan kontrak khas yang lain; majikan dan perkhidmatan; rumah inapan dan tuan rumah inapan; perbuatan salah boleh dakwa; harta dan pindah hak miliknya, serta hipotekasinya, kecuali tanah; bona vacantia; ekuiti dan amanah; perkahwinan, perceraian dan kesahtarafan; harta dan taraf perempuan bersuami; pentafsiran undang-undang persekutuan; surat cara boleh niaga; akuan berkanun; timbang tara; undang-undang persaudagaran; pendaftaran perniagaan dan nama perniagaan; umur dewasa; budak-budak dan orang belum dewasa; pengangkutan; pewarisan, berwasiat dan



I – Senarai Persekutuan, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.

Dalam kes *Sulaiman Takrib lwn Kerajaan Negeri Terengganu; Kerajaan Malaysia (Pencelah) & Kes Lain [2009] 2 CLJ 54 (Sulaiman Takrib)*, kesahan peruntukan tertentu⁸ dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 dicabar di mahkamah kerana bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Mahkamah Persekutuan dalam penghakimannya antara lain menganalisis klausa “pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan”. Dalam kes *Sulaiman Takrib*, Ketua Hakim Negara pada waktu itu, Tun Abdul Hamid Mohamad memutuskan bahawa antara peruntukan yang dicabar termasuklah kesalahan yang bertentangan dengan ajaran Islam, dan disebabkan tidak terdapat kesalahan serupa dalam undang-undang persekutuan dan

tidak berwasiat; probet dan surat kuasa mentadbir; kebangkrapan dan ketidakmampuan bayar; sumpah dan ikrar; batasan; penguatkuasaan bersaling penghakiman dan perintah; undang-undang keterangan;

- (ii) perkara yang disebut dalam perenggan (i) tidak termasuk undang-undang diri Islam yang berhubungan dengan perkahwinan, perceraian, penjagaan, nafkah, pengangkatan, kesahatarafan, undang-undang keluarga, alang atau pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat.
 - (f) Rahsia rasmi; perbuatan rasuah;
 - (g) Penggunaan atau pertunjukan jata, lambang kebangsawanan, bendera, lambang, pakaian seragam, darjah kebesaran dan bintang kehormat, selain bagi sesuatu negeri;
 - (h) Pewujudan kesalahan berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan atau yang diperkatakan oleh undang-undang persekutuan;
 - (i) Tanggung rugi berkenaan dengan mana-mana perkara dalam Senarai Persekutuan atau yang diperkatakan oleh undang-undang persekutuan;
 - (j) Bidang kuasa admiralti;
 - (k) Penentuan hukum syarak dan undang-undang diri yang lain bagi maksud undang-undang persekutuan; dan
 - (l) Pertaruhan dan loteri.
- 8 Seksyen 10 (Menghina atau mengingkari pihak berkuasa agama) dan seksyen 14 (Penerbitan agama yang bertentangan dengan hukum syarak).



kesalahan yang dipersoalkan itu hanya merangkumi Muslim dan berhubung dengan Islam sahaja, peruntukan jenayah tersebut sah di sisi perlembagaan.⁹

Berdasarkan peruntukan Senarai II – Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, negeri melalui dewan undangan negeri dibenarkan untuk mewujudkan kesalahan dan hukuman bagi kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama Islam. Mengambil panduan daripada penghakiman kes *Sulaiman Takrib*, jenayah qazaf yang diwujudkan dalam enakmen kesalahan jenayah syariah negeri boleh dianggap sebagai sesuai untuk diletakkan di bawah bidang kuasa negeri kerana jenayah qazaf mempunyai ciri yang berikut:

1. Satu jenis kesalahan yang bertentangan dengan perintah agama Islam;
2. Tidak terdapat kesalahan serupa dalam undang-undang persekutuan (lazimnya terkandung dalam Kanun Keseksaan);¹⁰ dan
3. Kesalahan qazaf hanya melibatkan Muslim dan berhubung dengan Islam sahaja.

9 Perenggan 73 dan 74 Penghakiman.

10 Kesalahan paling mirip dengan qazaf yang wujud dalam undang-undang persekutuan ialah jenayah fitnah dalam seksyen 499 Kanun Keseksaan – “Sesiapa sahaja sama ada dengan perkataan yang dituturkan atau dimaksudkan untuk dibaca atau dengan isyarat atau dengan pernyataan zahir membuat atau menyiarkan apa-apa tohmahan mengenai seseorang dengan maksud hendak merosakkan boleh dianggap memfitnah orang lain”. Namun, jenayah fitnah di bawah seksyen 499 Kanun Keseksaan bersifat umum dan tidak merujuk secara khusus perbuatan qazaf. Jika peruntukan seksyen 499 Kanun Keseksaan dibaca secara literal, maka jenayah qazaf juga boleh ditafsirkan sebagai termasuk di bawah bidang kuasa undang-undang persekutuan. Pertindihan bidang kuasa jenayah qazaf antara undang-undang persekutuan dengan undang-undang negeri, serta pihak yang mempunyai bidang kuasa terhadap jenayah qazaf memerlukan suatu penyelidikan lanjut. Buat masa ini, anggapan yang diterima ialah dewan undangan negeri mempunyai bidang kuasa untuk mengkanunkan jenayah qazaf dalam enakmen negeri masing-masing.



JENAYAH QAZAF DALAM UNDANG-UNDANG JENAYAH SYARIAH NEGERI-NEGERI

Sebelum meneliti lebih lanjut tentang peruntukan undang-undang jenayah syariah yang berkaitan dengan jenayah qazaf di negeri-negeri, hendaklah difahami terlebih dahulu bidang kuasa negeri-negeri. Negeri-negeri terikat dengan peruntukan di bawah Item 1, Senarai II – Senarai Negeri, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa mahkamah syariah “tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh undang-undang persekutuan”. Oleh sebab itu, parlimen menggubal Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 yang lebih dikenali sebagai Akta 355. Melalui pindaan terakhir yang dibuat pada tahun 1984, parlimen menghadkan bidang kuasa jenayah mahkamah syariah kepada hukuman tiga tahun penjara, denda RM5000 dan enam kali sebatan sahaja, iaitu hukuman yang biasanya dirujuk dengan formula “356”.¹¹ Keadaan ini bermakna, jenayah qazaf hanya boleh dihukum dengan hukuman maksimum tiga tahun penjara, denda RM5000 dan enam kali sebatan sahaja, bukannya dengan hukuman hudud seperti yang disepakati oleh ramai fuqaha, iaitu 80 kali sebatan berdasarkan ayat 4, *Surah an-Nur*.

Dalam konteks undang-undang jenayah syariah di Malaysia, definisi qazaf dalam enakmen dan akta di 14 buah negeri berbeza-beza dan ada yang tidak memberikan gambaran sebenar tentang jenayah qazaf yang melibatkan tuduhan zina mahupun liwat. Misalnya, kebanyakan negeri mendefinisikan qazaf sebagai “membuat pengatahan palsu terhadap mana-mana orang”.¹² Ada negeri yang mendefinisikan qazaf sebagai ”tuduhan berzina

11 Usaha dan kempen sedang giat dijalankan untuk meminda Akta 355 supaya hukuman jenayah syariah yang lebih berat boleh dikenakan terhadap para pesalah syariah.

12 Seksyen 2 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997, seksyen 2 Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995, seksyen 2 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Pulau Pinang 1996, seksyen 2 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Johor 1997.



terhadap seseorang”¹³, manakala ada negeri yang mendefinisikan qazaf sebagai “tuduhan persetubuhan haram terhadap seseorang”.¹⁴ Selain itu, ada juga negeri yang tidak memperuntukkan definisi qazaf dalam undang-undang jenayah syariah negeri berkenaan.¹⁵

Keterangan lanjut tentang kesalahan jenayah qazaf dalam peruntukan kesalahan jenayah syariah negeri-negeri juga menyaksikan kepelbagaian huraian. Secara ringkasnya, kepelbagaian definisi qazaf dirangkumkan dalam Jadual 1:

Jadual 1 Definisi qazaf dalam undang-undang jenayah syariah negeri-negeri.

No.	Negeri	Peruntukan Undang-undang	Definisi Qazaf	Ulasan
1.	Perlis	Enakmen Jenayah dalam Syarak 1991	Tiada. (Enakmen Jenayah dalam Syarak (Pindaan) 2007 memasukkan seksyen 27A yang merupakan kesalahan judi. Namun, kesalahan qazaf tiada.)	
2.	Kedah	Seksyen 37 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 2014	Kecuali dalam kes <i>li'an</i> , mana-mana orang yang <i>menuduh orang lain melakukan zina atau liwat</i> tanpa mengemukakan, mengikut hukum syarak, empat orang saksi lelaki atau ikrar orang yang dituduh itu adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM5000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.	Qazaf merangkumi tuduhan liwat.

13 Seksyen 2 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah 1995.

14 Seksyen 2 Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992.

15 Sebagai contoh, negeri Melaka, Perlis, Pahang, Perak dan Sarawak.

sambungan **Jadual 1**

5.	Selangor	Seksyen 36 Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995	Kecuali dalam kes <i>li'an</i> , mana-mana orang yang <i>menuduh orang lain melakukan zina</i> tanpa mengemukakan, mengikut hukum syarak, empat orang saksi lelaki atau ikrar orang yang dituduh itu melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM5000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.	Qazaf hanya merangkumi tuduhan zina.
6.	Wilayah Persekutuan	Seksyen 41 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997	Kecuali dalam kes <i>li'an</i> , mana-mana orang yang <i>menuduh orang lain melakukan zina</i> tanpa mengemukakan, mengikut hukum syarak, empat orang saksi lelaki atau ikrar orang yang dituduh itu melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM5000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.	Qazaf hanya merangkumi tuduhan zina.

sambungan **Jadual 1**

7.	Negeri Sembilan	Seksyen 68 Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992	Kecuali dalam hal keadaan yang memerlukan <i>li'an</i> , seseorang yang <i>menuduh mana-mana orang melakukan persetubuhan haram</i> tanpa mengemukakan empat saksi lelaki atau ikrar orang yang dituduh mengikut hukum syarak, melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM5000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.	Qazaf boleh meliputi tuduhan liwat kerana “persetubuhan haram” boleh ditafsirkan sebagai merangkumi perbuatan liwat.
		Seksyen 2 Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992	Persetubuhan haram ertinya persetubuhan, selain rogol dan persetubuhan syubhah antara seorang lelaki dengan seorang perempuan yang bukan suami isteri.	

sambungan **Jadual 1**

8.	Melaka	Seksyen 92 Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991	Tiada. Tanpa menyentuh peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain, mahkamah boleh mengenakan hukuman takzir ke atas mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah hukum syarak yang tidak diperuntukkan oleh enakmen ini dan apabila disabitkan orang itu hendaklah dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM500 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.	Peruntukan umum seksyen 92 boleh meliputi jenayah qazaf sebagai “kesalahan di bawah hukum syariah yang tidak diperuntukkan oleh enakmen ini” yang boleh dikenakan hukuman takzir.
9.	Johor	Seksyen 41 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997	Kecuali dalam kes <i>li’an</i> , mana-mana orang yang <i>menuduh orang lain melakukan zina</i> tanpa mengemukakan, mengikut hukum syarak, empat orang saksi lelaki atau ikrar orang yang dituduh itu melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM5000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.	Qazaf hanya merangkumi tuduhan zina.

sambungan **Jadual 1**

10.	Pahang	Seksyen 50 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 2013	Kecuali dalam kes <i>li'an</i> , mana-mana orang yang <i>menuduh orang lain melakukan maksiat</i> tanpa bukti mengikut hukum syarak atau ikrar orang yang dituduh itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi RM3000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.	Peruntukan umum yang meliputi jenayah qazaf, merangkumi tuduhan zina dan liwat.
11.	Kelantan	Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1985 (EKJS (I)) Seksyen 17(1), Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) (1993) 2015 (EKJS (II))	Tiada. Seseorang adalah melakukan qazaf jika dia — (a) <i>membuat tuduhan zina atau liwat</i> , yang tidak dibuktikan dengan empat orang saksi, terhadap seseorang Islam yang akil baligh yang dikenali bersih diri daripada kelakuan zina atau liwat; ...	EKJS (II) masih belum dikuatkuasakan dan sehingga kini, hanya undang-undang jenayah syariah EKJS (I) sahaja yang berkuat kuasa di Kelantan.

sambungan **Jadual 1**

12.	Terengganu	<p>Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001</p> <p>Seksyen 7(1), Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu 2002 (EKJS 2002)</p>	<p>Tiada.</p> <p>Qazaf ialah membuat tuduhan zina yang tidak dibuktikan oleh empat orang saksi lelaki terhadap seseorang Islam yang mukalaf dan dikenali sebagai seorang yang bersih diri daripada kelakuan zina.</p>	<p>EKJS (2002) masih belum dikuatkuasakan dan hanya undang-undang jenayah syariah EKJS (2001) sahaja yang berkuat kuasa di Terengganu.</p>
13.	Sabah	<p>Seksyen 81A Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995</p> <p>Seksyen 103, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995</p>	<p>Kecuali dalam hal keadaan yang memerlukan <i>li'an</i>, seseorang yang <i>menuduh mana-mana orang melakukan zina</i> tanpa mengemukakan empat orang saksi atau ikrar orang yang dituduh mengikut hukum syarak adalah bersalah atas suatu kesalahan qazaf dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM5000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.</p> <p>Tanpa menyentuh peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain, mahkamah boleh mengenakan hukuman takzir ke atas mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah hukum syarak yang tidak diperuntukkan oleh enakmen ini dan, apabila disabitkan, orang itu hendaklah dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM500 atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.</p>	<p>Qazaf hanya merangkumi tuduhan zina. Namun, terdapat satu peruntukan kesalahan umum yang boleh ditafsirkan merangkumi tuduhan liwat.</p>

sambungan **Jadual 1**

14.	Sarawak	Seksyen 38 Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah 2001	Kecuali dalam kes <i>li'an</i> , mana-mana orang yang <i>menuduh orang lain melakukan zina</i> tanpa mengemukakan, mengikut undang-undang Islam, empat orang saksi atau ikrar orang yang dituduh itu melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM5000 atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.	Qazaf hanya merangkumi tuduhan zina.
-----	---------	---	---	--------------------------------------

Berdasarkan Jadual 1, peruntukan kesalahan jenayah syariah tentang kesalahan qazaf boleh dibahagikan kepada empat jenis kategori seperti yang berikut:

Jadual 2 Rumusan perbandingan jenayah qazaf mengikut negeri-negeri.

Tiada Peruntukan dalam Undang-undang Jenayah Syariah	Peruntukan Umum yang Boleh Meliputi Jenayah Qazaf	Qazaf Hanya Melibatkan Tuduhan Zina Sahaja	Qazaf Melibatkan Tuduhan Zina dan Liwat
<ul style="list-style-type: none"> • Perlis • Kelantan¹⁶ • Terengganu¹⁷ 	<ul style="list-style-type: none"> • Melaka • Pahang 	<ul style="list-style-type: none"> • Pulau Pinang • Selangor • Wilayah Persekutuan • Johor • Sabah¹⁸ • Sarawak 	<ul style="list-style-type: none"> • Kedah • Perak • Negeri Sembilan

- 16 Untuk tujuan penyelidikan ini, negeri Kelantan dianggap tiada peruntukan jenayah qazaf ekoran enakmen negeri yang mengkanunkan jenayah qazaf tidak dikuatkuasakan.
- 17 Untuk tujuan penyelidikan ini, negeri Terengganu dianggap tiada peruntukan jenayah qazaf ekoran enakmen negeri yang mengkanunkan jenayah qazaf tidak dikuatkuasakan.
- 18 Sabah mempunyai peruntukan khusus untuk jenayah qazaf (bagi tuduhan zina), manakala peruntukan umum untuk jenayah menuduh seseorang melakukan perbuatan liwat.

Berdasarkan analisis Jadual 2, enam negeri mengiktiraf qazaf yang melibatkan tuduhan zina sahaja dan tidak termasuk tuduhan liwat, manakala tiga negeri memasukkan tuduhan liwat sebagai jenayah qazaf bersama-sama dengan tuduhan zina. Dua negeri tidak mempunyai peruntukan khusus untuk jenayah qazaf tetapi terdapat peruntukan lain yang boleh ditafsirkan sebagai memberikan bidang kuasa kepada mahkamah syariah negeri untuk menjatuhkan hukuman terhadap jenayah qazaf. Terdapat tiga negeri yang tidak mempunyai peruntukan jenayah qazaf yang boleh dikuatkuasakan buat masa ini.

KES QAZAF DI MAHKAMAH SYARIAH: SUATU TINJAUAN

Buat masa ini, terdapat beberapa kes yang membicarakan soal jenayah qazaf di mahkamah syariah. Kes yang pernah diputuskan adalah seperti yang berikut:

No.	Nama Kes	Mahkamah	Singkatan
1.	<i>Dato' Seri Anwar bin Ibrahim</i> lwn <i>Shamsuddin bin Hussain & Ors.</i> [2010] 4 <i>ShLR</i> 119 (Kes No. 14100-099-0012-2010)	Mahkamah Tinggi Syariah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	<i>DSAI No. 1</i>
2.	<i>Dato' Seri Anwar bin Ibrahim</i> lwn <i>Ketua Pendakwa Syarie JAWI & lain-lain</i> (tidak dilaporkan) (Kes No. 14000-099-0017-2010)	Mahkamah Rayuan Syariah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	<i>DSAI No. 2</i>
3.	<i>Re Dato' Seri Anwar bin Ibrahim</i> (tidak dilaporkan) (Kes No. 10400-120-0016-2016)	Mahkamah Tinggi Syariah, Selangor	<i>DSAI No. 3</i>
4.	<i>Re Dato' Seri Anwar bin Ibrahim</i> (tidak dilaporkan) (Kes No. 10000-120-0018-2016)	Mahkamah Rayuan Syariah, Selangor	<i>DSAI No. 4</i>

Keempat-empat kes ini mempunyai kaitan antara satu dengan yang lain kerana berlegar di sekitar isu yang sama. Kes *DSAI No. 1* adalah berkenaan dengan permohonan Dato' Seri Anwar Ibrahim (DSAI) untuk memperoleh satu perintah mahkamah agar memberikan arahan kepada pendakwa syarii untuk mendakwa Mohd. Saiful Bukhari Azlan (Saiful Bukhari) atas kesalahan

qazaf. Saiful Bukhari mendakwa bahawa DSAI meliwatnya dan DSAI menganggap pertuduhan tersebut sebagai jenayah qazaf. Isu utama dalam kes ini ialah sama ada mahkamah syariah boleh mengeluarkan perintah kepada pendakwa syarii agar memulakan sesuatu pendakwaan bagi kesalahan jenayah syariah.

Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tidak memberikan fokus pada inti pati peruntukan jenayah qazaf dalam seksyen 41¹⁹ Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 (AKJS 1997), sebaliknya memberikan perhatian terhadap bidang kuasa mahkamah syariah untuk memerintahkan pendakwa syarii untuk memulakan apa-apa kes pendakwaan jenayah syariah. Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Mohd. Shukor Sabudin memutuskan bahawa kuasa ketua pendakwa syarii bersifat separa kehakiman (*quasi judicial*) untuk memutuskan pendakwaan boleh diteruskan atau tidak bagi sesuatu kes. Pertimbangan profesional dibuat berdasarkan pengalaman perundangan ketua pendakwa syarii yang tidak melibatkan pandangan peribadi terhadap latar belakang suspek atau mangsa, pendirian politik, dan sebagainya untuk membuat keputusan. Mahkamah Tinggi Syariah seterusnya memutuskan bahawa sebarang campur tangan daripada pihak luar atau daripada pihak penguasa atau pihak pemerintah dalam urusan kehakiman dan keadilan seseorang hakim dianggap sebagai suatu maksiat. Oleh itu, permohonan DSAI ditolak oleh Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Apabila tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, DSAI merayu di Mahkamah Rayuan Syariah (MRyS) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (*DSAI No. 2*). Dalam kes *DSAI No. 2*, perayu berhujah secara khusus bahawa tuduhan zina untuk jenayah qazaf yang diletakkan di bawah seksyen 41 AKJS 1997 meliputi tuduhan liwat. Tafsiran ini membolehkan mana-mana individu yang menuduh seseorang lelaki melakukan liwat juga boleh didakwa di bawah seksyen 41 AKJS 1997 berdasarkan pelbagai dalil yang dikemukakan dalam kitab fiqh mazhab Syafii.

19 Seksyen 41 AKJS 1997 hanya menganggap tuduhan zina sebagai jenayah qazaf yang tidak mencakupi tuduhan liwat.

Namun, MRyS tidak bersetuju dengan hujah perayu kerana definisi zina diberikan dengan jelas oleh seksyen 2 AKJS 1997, iaitu “persetubuhan antara lelaki dengan perempuan tanpa nikah”, maka tidak mungkin definisi zina ini merangkumi definisi liwat kerana liwat bermaksud perhubungan seks sesama lelaki. Oleh tu, seksyen 41 AKJS 1997 hanya terpakai untuk tuduhan zina sahaja.

MRyS mengambil maklum bahawa pandangan yang dikanunkan dalam AKJS 1997 berkenaan dengan jenayah qazaf mengambil kira pandangan Imam Abu Hanifah yang hanya menerima tuduhan zina sebagai jenayah qazaf. Sebaliknya, pandangan mazhab Syafii, Maliki dan Hanbali menganggap bahawa tuduhan liwat sama dengan tuduhan zina, maka tuduhan liwat juga adalah sebahagian daripada jenayah qazaf. Namun, MRyS terikat dengan peruntukan AKJS 1997 yang dikanunkan dan tiada pilihan lain, selain bersetuju dengan tuduhan liwat yang tidak termasuk di bawah jenayah qazaf. Oleh sebab itu, rayuan DSAI ditolak oleh MRyS.

Kes *DSAI No. 3* pula berkenaan dengan dakwaan DSAI bahawa peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah (Tan Sri Shafee) menuduhnya meliwat Saiful Bukhari tanpa mengemukakan empat orang saksi lelaki yang adil. Disebabkan dakwaan Tan Sri Shafee dibuat di Kelana Jaya, Selangor, maka DSAI membuat aduan bersumpah ke Mahkamah Tinggi Syariah Selangor bahawa Tan Sri Shafee mengeluarkan pernyataan palsu (qazaf) terhadapnya dan tuduhan tersebut merupakan suatu jenayah syariah di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 (EKJS 1995).

Sekali lagi persoalan yang sama timbul di Mahkamah Tinggi Syariah Selangor sama ada tuduhan melakukan perbuatan liwat juga boleh ditafsirkan sebagai zina berdasarkan pandangan ulama. Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Selangor, Mohamed Fouzi Mokhtar mengakui bahawa secara umumnya, ulama berbeza pendapat berkaitan dengan isu ini dan sebahagian besar ulama berpendapat bahawa tuduhan liwat termasuk dalam tuduhan zina. Setelah merujuk pelbagai kitab fiqh, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Selangor bersetuju bahawa pandangan Imam Abu Hanifah diterima oleh pihak penggubal untuk menetapkan hanya tuduhan zina sahaja yang dianggap sebagai qazaf, manakala tuduhan liwat



dianggap sebagai kesalahan takzir. Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Selangor berpandangan bahawa Dewan Negeri Selangor selaku penggubal undang-undang negeri tidak membuat sebarang kesilapan untuk mentafsirkan takrifan zina (tidak merangkumi liwat) kerana pihak penggubal memilih untuk menerima pakai pandangan yang dirasakan bersesuaian dengan keadaan semasa masyarakat di negara ini, walaupun bukan berdasarkan pandangan mazhab Syafi. Mahkamah juga memahami bahawa pihak penggubal sememangnya tidak berhasrat untuk mentafsirkan perbuatan liwat sebagai sebahagian daripada perbuatan zina. Oleh itu, tafsiran tersebut hendaklah diterima bersesuaian dengan kaedah fiqh yang berbunyi:

الأصل في الكلام الحقيقي

Maksud: *Hukum asal pada sesuatu ucapan itu dikira maknanya yang hakiki.*

Oleh itu, mahkamah syariah tidak boleh mengubah atau membetulkan peruntukan, dan undang-undang yang sudah jelas maksudnya seperti yang dikanunkan oleh pihak penggubal. Seksyen 6 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 hanya menghadkan kuasa mahkamah syariah kepada pentadbiran keadilan sahaja dan bukannya mengubah atau membetulkan peruntukan undang-undang yang sudah jelas maksudnya.

Walaupun Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Selangor mengakui tafsiran zina tersebut perlu diperluas jika memberikan kebaikan kepada masyarakat bagi menjaga *maqasid syariah*, termasuklah untuk menjaga maruah seseorang. Namun, bukanlah tanggungjawab mahkamah syariah untuk berbuat demikian tetapi menjadi amanah dan tanggungjawab yang akan dipersoalkan terhadap keseluruhan pihak legislatif, iaitu badan penggubal undang-undang sama ada di Dewan Rakyat (parlimen) atau Dewan Undangan Negeri. Oleh sebab itu, permohonan qazaf DSAI ditolak oleh Mahkamah Tinggi Syariah Selangor.

DSAI seterusnya mengemukakan rayuan di Mahkamah Rayuan Syariah (MRyS) Negeri Selangor (*DSAI No. 4*). Persoalan utama



pada peringkat rayuan ialah sama ada Hakim Mahkamah Tinggi Syariah terkhilaf dari segi hukum syarak dan undang-undang apabila tidak mentafsirkan kesalahan menuduh seseorang melakukan liwat sebagai suatu kesalahan di bawah seksyen 36 EKJS 1995. MRyS ketika mengulas isu ini memetik kesimpulan Dr. Abdul Qadir 'Audah dalam kitabnya *Tasyri' al-Jinaie al-Islami* bahawa tuduhan liwat pada pandangan mazhab Maliki, Syafii dan Hanbali berhubung dengan tuduhan zina kerana mereka menganggap liwat sama dengan zina. Peliwat dianggap sebagai penzina sama ada peliwat atau yang kena liwat itu lelaki atau perempuan. Apabila sabit si penuduh sengaja menuduh orang yang kena tuduh melakukan liwat, maka dia hendaklah dikenakan hukuman had. Walau bagaimanapun, Imam Abu Hanifah berpandangan hukuman had tidak dikenakan bagi tuduhan liwat, bahkan dikenakan hukuman takzir kerana liwat tidak dianggap sebagai zina. Oleh sebab itu, tuduhan liwat tidak termasuk dalam tuduhan zina. Berdasarkan hujah tersebut, MRyS merumuskan seperti yang berikut:

Oleh sebab ia ialah perkara khilafiah, maka terserah dan atas budi bicara Badan Perundangan Negeri untuk memilih atau menentukan pendapat yang manakah yang mahu ditakninkan. Apabila pendapat itu telah ditakninkan atau diperundangkan, maka itulah pendapat yang dianggap telah diterima oleh masyarakat ketika ia diluluskan oleh Badan Perundangan Negeri dan ia hendaklah diterima oleh badan kehakiman dan masyarakat.

MRyS juga turut bersetuju dengan penghakiman MRyS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam kes *DSAI No. 2* yang menyatakan bahawa mahkamah selaku badan kehakiman terikat oleh undang-undang yang dikuatkuasakan. Oleh itu, MRyS tidak mempunyai pilihan lain selain bersetuju dengan maksud zina dalam seksyen 41 AKJS 1997 yang hanya terhad pada makna persetujuan haram antara lelaki dengan perempuan sahaja dan tidak termasuk kesalahan liwat.

Meskipun MRyS Selangor terpaksa bersetuju dengan tafsiran qazaf yang hanya terhad untuk pertuduhan zina sahaja berdasarkan EKJS 1995, namun MRyS Selangor membuat pengiktirafan kehakiman



(*judicial notice*) bahawa zaman mutakhir ini semakin banyak berlakunya perbuatan menuduh orang lain melakukan perbuatan liwat. Maka, sudah tiba masanya pemerintah dan badan perundangan negeri Selangor meminda seksyen 36 EKJS 1995 bagi membolehkan seseorang yang menuduh orang lain melakukan perbuatan liwat dituduh di mahkamah syariah yang bertepatan dengan kaedah fiqh yang menyatakan:

تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة

Maksud: *Tindakan seseorang pemimpin terhadap apa-apa yang dipimpinnya (rakyat) hendaklah berdasarkan kemaslahatan.*

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Berdasarkan nas undang-undang yang dibentangkan, difahami bahawa terdapat beberapa masalah yang perlu dirungkaikan berkenaan dengan jenayah qazaf di Malaysia. Masalah ini dirumuskan seperti yang berikut:

1. Ketidakteraturan Peruntukan Jenayah Qazaf yang Ketara antara Negeri

Berdasarkan Jadual 2, majoriti negeri-negeri di Malaysia hanya mengiktiraf tuduhan zina sahaja sebagai jenayah qazaf. Berdasarkan pendapat Imam Abu Hanifah, tuduhan liwat merupakan suatu bentuk kesalahan takzir. Walau bagaimanapun, negeri-negeri yang hanya menerima tafsiran qazaf sebagai tuduhan zina (kecuali negeri Sabah) tidak pula memperuntukkan kesalahan jenayah berasingan untuk tuduhan liwat. Hal ini menyebabkan terdapat kemungkinan bahawa individu yang dituduh melakukan liwat tidak dapat mendakwa orang yang menuduhnya di mahkamah syariah, sama ada untuk tuduhan qazaf ataupun tuduhan melakukan maksiat. Lebih membimbangkan, terdapat beberapa buah negeri yang langsung tidak mempunyai peruntukan qazaf.

Pada zaman moden yang penuh dengan kebebasan bersuara di media sosial, wujud trend tertentu apabila sesiapa pun boleh menuduh seseorang melakukan maksiat yang melibatkan salah laku seks yang bertujuan menjatuhkan maruah dan mencapai matlamat



tertentu. Namun, peruntukan qazaf yang berbeza antara negeri menyebabkan individu yang dituduh teraniaya dan maruahnya tercemar kerana tidak dapat mempertahankan maruahnya apabila dirinya didakwa melakukan zina atau liwat.

2. Ketiadaan Penyelesaian kepada Pihak yang Teraniaya dalam Isu Qazaf

Menurut peruntukan seksyen 499 Kanun Keseksaan, pihak yang teraniaya dan diaibkan dengan tuduhan yang melibatkan salah laku seks boleh membuat laporan polis dengan mendakwa si penuduh menuduhnya melakukan salah laku seks dan boleh dianggap sebagai fitnah jenayah yang boleh dihukum di bawah seksyen 500 Kanun Keseksaan, jika peruntukan qazaf yang lengkap tidak terdapat dalam enakmen kesalahan jenayah syariah di setiap negeri. Meskipun demikian, terdapat satu lagi masalah apabila beban pembuktian di bawah undang-undang jenayah sivil berbeza daripada undang-undang syariah. Penuduh dalam kes qazaf di sisi undang-undang syariah perlu mengemukakan empat orang saksi lelaki yang adil untuk membuktikan bahawa orang yang dituduh melakukan zina (atau liwat). Walau bagaimanapun, untuk kes fitnah jenayah di mahkamah sivil, apabila pendakwa raya mendakwa si penuduh kerana melakukan fitnah, si penuduh dalam kes fitnah jenayah di sisi undang-undang sivil tidak perlu mengemukakan kualiti saksi yang sama seperti kes qazaf. Berkemungkinan bukti boleh direka melalui kecanggihan teknologi dan keterangan saksi fasik yang kesaksiannya boleh diterima di mahkamah sivil. Dengan beban pembuktian yang rendah berbanding dengan undang-undang Islam, si penuduh berkemungkinan boleh menjustifikasikan tuduhannya terhadap mangsa qazaf dan keadaan ini memberikan persepsi buruk terhadap mangsa qazaf, apatah lagi jika mangsa qazaf tidak mempunyai medium untuk membersihkan namanya di mahkamah syariah.

Selain itu, sebagai alternatif mangsa qazaf boleh mengemukakan saman sivil, iaitu saman fitnah terhadap orang yang menuduhnya. Namun, saman sivil sudah tentu menuntut kos guaman yang tinggi dan mengambil masa yang panjang, sedangkan mahkamah syariah



diberikan bidang kuasa yang kompeten untuk membicarakan kesalahan qazaf. Beban pembelaan untuk saman sivil juga rendah dan tidak setinggi beban pembuktian dalam kes qazaf menurut undang-undang syariah.

Berdasarkan peruntukan undang-undang fitnah jenayah dalam Kanun Keseksaan yang agak longgar dari segi beban pembuktian, ternyata mahkamah sivil bukanlah medium yang sesuai bagi seseorang yang merasakan dirinya teraniaya dengan tuduhan salah laku seks untuk mempertahankan maruahnyanya. Mahkamah syariah boleh menjadi medium yang sesuai dengan syarat peruntukan qazaf yang komprehensif perlu digubal dan diseragamkan antara 14 negeri di Malaysia. Oleh itu, antara cadangan penambahbaikan bagi mengatasi masalah sedia ada termasuklah:

1. Pindaan segera enakmen atau akta jenayah syariah bagi negeri yang masih belum mempunyai peruntukan jenayah qazaf;
2. Bagi negeri yang mempunyai peruntukan jenayah qazaf dalam enakmen atau akta jenayah syariah masing-masing, suatu proses penyeragaman perlu dilakukan bagi memastikan setiap negeri mempunyai peruntukan undang-undang yang tidak jauh bezanya antara satu dengan yang lain. Ketiadaan peruntukan jenayah qazaf di negeri terbabit bukan sahaja menimbulkan persepsi negatif terhadap pelaksanaan undang-undang jenayah syariah di Malaysia, malahan tidak adil kerana seseorang yang dikenakan hukuman qazaf di negeri A boleh terlepas jika kesalahan qazaf dilakukan di negeri B.
3. Kelompangan peruntukan qazaf berkenaan tuduhan liwat juga perlu diperhalus. Jika kes *DSAI No. 1*, *DSAI No. 2*, *DSAI No. 3* dan *DSAI No. 4* dirujuk sebagai contoh, pengadu dilihat tidak mempunyai medium lain untuk mempertahankan maruahnyanya disebabkan undang-undang jenayah qazaf di Wilayah Persekutuan dan Selangor hanya mengiktiraf tuduhan zina sebagai definisi qazaf, sekali gus mengecualikan tuduhan liwat sebagai sebahagian daripada definisi qazaf. Jika dakwaan qazaf itu dibuat di negeri



Kedah, Perak atau Negeri Sembilan sebagai contoh, keadaan mungkin berbeza kerana negeri tersebut mengiktiraf tuduhan liwat sebagai jenayah qazaf. Jika Wilayah Persekutuan dan Selangor masih ingin mengekalkan definisi qazaf yang hanya meliputi tuduhan zina, negeri tersebut boleh menggubal satu lagi peruntukan takzir bagi kesalahan orang yang menuduh seseorang melakukan perbuatan liwat, meskipun tuduhan liwat itu tidak seburuk tuduhan zina dalam qazaf, namun penuduh liwat tidak terlepas begitu sahaja dan individu yang merasakan dirinya teraniaya masih boleh membersihkan namanya di mahkamah syariah.

Sekiranya pindaan Akta 355 berjaya memberikan mahkamah syariah bidang kuasa baharu untuk menghukum pesalah jenayah syariah sehingga 100 kali sebatan menurut hukum syarak, maka hukuman qazaf juga boleh dilaksanakan dengan sempurna, iaitu hukuman 80 kali sebatan kepada penuduh yang gagal membawa empat orang saksi yang adil bagi membuktikan dakwaan zina dan/atau liwat. Namun, tanpa penyelarasan definisi qazaf dan aplikasinya di negeri-negeri, dikhuatiri ketidakseragaman ini akan memberikan imej buruk kepada undang-undang syariah, apatah lagi jika mahkamah syariah mempunyai kuasa untuk menghukum 80 kali sebatan kepada pesalah qazaf. Tentu sekali kita tidak mahu berdepan dengan situasi apabila ada sebuah negeri yang menghukum pesalah qazaf dengan 80 kali sebatan, sedangkan sebuah negeri lain tidak menganggap qazaf sebagai suatu kesalahan jenayah syariah. Oleh itu, usaha penambahbaikan perlu dimulakan dan mudah-mudahan dengan cadangan penambahbaikan ini usaha untuk memartabatkan undang-undang syariah dapat dilestarikan.

RUJUKAN

- Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997.
- Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965.
- Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984.
- Dato' Seri Anwar bin Ibrahim *lwn* Shamsuddin bin Hussain & Ors. [2010]

4 *ShLR* 119.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim *lwn* Ketua Pendakwa Syarie JAWI & lain-lain (tidak dilaporkan) (Kes No. 14000-099-0017-2010).

Enakmen Jenayah dalam Syarak (Negeri Perlis) 1991.

Enakmen Jenayah (Syariah) Negeri Perak 1992.

Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor 1995.

Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992.

Enakmen Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan 1985.

Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) (1993) Negeri Kelantan 2015.

Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991.

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Sabah 1995.

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Pulau Pinang 1996.

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Johor 1997.

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Pahang 2013.

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Kedah 2014.

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Negeri Terengganu 2002.

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001.

Kanun Keseksaan.

Jamaluddin ibn Manzur al-Ansari al-Ifriqi. (1994). *Lisan al-Arab* (Vol. 9). Beirut: Dar Sadir.

Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha, & Ali asy-Syarbaji. (1992). *Al-Fiqh al-Manhaji 'ala Madhhab al-Imam as-Syafie* (Jilid 8) (p. 65). Damsyik: Dar al-Qalam.

Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Sarawak 2001.

Paizah Haji Ismail. (1991). *Undang-undang Jenayah Islam*. Petaling Jaya: Tradisi Ilmu Sdn. Bhd.

Perlembagaan Persekutuan.

Re Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (tidak dilaporkan) (Kes No. 10400-120-0016-2016).

Re Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (tidak dilaporkan) (Kes No.10000-120-0018-2016).

Sulaiman Takrib *lwn* Kerajaan Negeri Terengganu; Kerajaan Malaysia (Pencelah) & Kes Lain [2009] 2 *CLJ* 54.

Diperoleh (*Received*): 11 September 2017

Diterima (*Accepted*): 20 Februari 2018